



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MOSTI MELANCARKAN *MYSTARTUP ROADSHOW* DAN DUA GERAN BAHARU

JOHOR BAHRU, 10 MAC 2022 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba melancarkan *MYStartup Roadshow* dan Geran Pembiayaan Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) iaitu CIP SPARK dan CIP SPRINT.

MYStartup anjuran Cradle agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) adalah inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkasakan lagi ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia menerusi pengisian program yang menumpukan kepada pembangunan dan perkembangan *start-up* secara mampan serta pembangunan kapasiti dan modal insan.

Dato' Sri Dr. Adham berkata, "Johor adalah lokasi pertama dalam siri jelajah ini. Dengan sokongan daripada *Iskandar Investment Berhad*, *Common Ground Iskandar Space* dan *INFINITY 8* sebagai rakan strategik, ia menjadikan usaha MOSTI serta Cradle dalam memajukan lagi komuniti *start-up* berada di landasan yang tepat".

MOSTI bersama Cradle telah melancarkan *Program MYStartup* untuk memastikan ekosistem *start-up* di Malaysia dapat diperkukuhkan melalui program sokongan dan bimbingan teknikal yang lebih terangkum dan menyeluruh.

Siri jelajah ini adalah inisiatif tahunan Cradle yang bertujuan untuk merapatkan jurang bagi *start-up* yang berada di negeri-negeri lain serta memastikan mereka mendapat pendedahan dan peluang yang saksama kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Cradle.

Sepanjang *MYStartup Roadshow*, Cradle akan memberi penerangan terperinci serta hebahan mengenai program yang dilaksanakan bersama-sama dengan rakan strategik mereka. Ini termasuk kaedah-kaedah penyertaan bagi start-up, kriteria permohonan geran, pepadanan perniagaan dengan dana yang bersesuaian dan sesi networking.

Dalam pada itu, 2 geran baharu turut dilancarkan iaitu CIP SPARK yang merupakan geran pembangunan bersyarat (*Conditional Development Grant*) yang menawarkan tempoh pembiayaan sehingga 18 bulan dan terbuka kepada individu, syarikat persendirian, perkongsian lialibiti terhad dan syarikat jenis sendirian berhad.

Manakala, CIP SPRINT pula merupakan geran pengkomersialan bersyarat boleh ubah (*Conditional Convertible Commercialisation Grant*) yang menawarkan tempoh pembiayaan selama 18 bulan dan terbuka kepada syarikat jenis sendirian berhad, termasuk syarikat milikan universiti dan institut penyelidikan.

Kedua-dua geran diperuntukkan di bawah RMKe-12 ini merangkumi pembiayaan bagi pembangunan dan pra-pengkomersialan yang bertujuan membantu usahawan teknologi di peringkat awal untuk membangun dan mengkomersialkan produk-produk mereka di pasaran.

Selain menerima suntikan dana, pemohon CIP SPARK dan CIP SPRINT yang berjaya juga akan disokong dengan akses kepada rangkaian perniagaan serta perkhidmatan tambah nilai lain seperti pembangunan model perniagaan, bimbingan kemahiran pengesahan pasaran dan juga akses kepada pasaran.

Siri jelajah *MYStartup* ini akan diperluas ke lokasi lain di seluruh negara antaranya Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak bagi memastikan komuniti *start-up* yang berada di luar kawasan Lembah Klang tidak terlepas peluang bagi mendapat manfaat daripada acara-acara pemeraksanaan *start-up* melalui Program *MYStartup*.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

10 MAC 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Emily Clarice Joannes
Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
03-88858299
emily@mosti.gov.my

Ali Baizuri Razali
PR & Media
Cradle Fund Sdn Bhd
011-63295400
ali.baizuri@cradle.com.my